

## ANALISIS PERSEJARAHAAN BAHARU DALAM NOVEL `1515`

### ANALYSIS OF NEW HISTORY IN NOVEL `1515`

Ghazali Taib; Abdul Halim Ali  
Universiti Pendidikan Sultan Idris, Tanjong Malim, Perak  
halim.ali@fbk.upsi.edu.my

#### ABSTRAK

Kajian ini bertujuan untuk menganalisis unsur-unsur sejarah baharu dalam novel `1515` dari perspektif *Persejaraan Baharu*. Kajian ini adalah sebuah kajian kepustakaan. Sumber utama data kajian ialah novel `1515` karya Faisal Tehrani (2003). Data dianalisis menggunakan kaedah analisis kandungan dan dibincangkan secara deskriptif berpandukan idea teori Historisisme Baru oleh Stephen J. Greenblatt. Berdasarkan analisis yang dilakukan, kajian ini mendapati enam unsur sejarah baharu yang penting yang dapat dikenal pasti iaitu kisah watak wanita Nyemah Mulya dalam era pemerintahan sultan Mahmud Shah, kisah keperwirawati tokoh wanita Nyemah Mulya menentang Feringgi di Melaka, Alfonso Albuquerque mati dibunuh Nyemah Mulya, tokoh wanita memimpin armada perang Melaka menyerang Lisbon, Portugal ditakluk Melaka dan orang Melayu membina empayar pemerintahan di Portugal pada tahun 1515 hingga 1580. Kajian ini juga mendapati unsur sejarah baharu yang terdapat dalam novel mempunyai kaitan langsung dengan sejarah lama khususnya sejarah kejatuhan Melaka di tangan Portugis pada tahun 1511, sejarah pentadbiran Sultan Mahmud dan sejarah perang Melaka Portugis. Berdasarkan dapatan ini, kajian ini mencadangkan supaya sejarah lama tentang penjajahan Barat di tanah Melayu khususnya sejarah penjajahan Barat di Melaka dinilai semula supaya fakta dan keterangannya lebih tepat dan sesuai dengan realiti bangsa Melayu masa kini.

**Kata Kunci:** Persejaraan Baharu, makna baharu, sejarah lama, penilaian semula

#### ABSTRACT

*This study aims to analyze the new historical elements in the novel title `1515` from the perspective of the Persejaraan Baharu. This is a library research. The main source of data is Faisal Tehrani's novel title `1515` (2003). The data were analyzed using content analysis methods and discussed descriptively based on the idea of New Historicism proposed by Stephen J. Greenblatt. Based on this analysis, the study found six important new historical elements that could be identified such as the story of the character of Nyemah Mulya in the reign of the sultan Mahmud Shah, the story of the female figure of Nyemah Mulya against the Portuguese in Malacca, Alfonso Albuquerque was killed by Nyemah Mulya, a female figure led the Malacca war fleet attacked Lisbon, Portugal conquered Malacca and the Malays built a government empire in Portugal in 1515 until 1580. The study also found that the new historical elements in the novel have a direct connection with the ancient history, especially the history of Malacca's fall in Portuguese hands 1511, the history of Sultan Mahmud's administration and the history of the Portuguese-Malacca war. Based on this findings, this study suggests that the old history of Western colonialism in Malay lands, particularly the history of Western colonization in Malacca, should be revised so that the facts were more accurate and in line with the reality of the present Malay world.*

**Keywords:** *New Historicism, new meaning, old historicism, re-evaluation*

#### PENGENALAN

Pada tahun 1982, istilah *New Historicism* mula dikenali apabila Stephen Greenblatt mengungkapkan dalam pengenalan karyanya yang berjudul *Genre* (H.Aram Veaser 1989:xiii). Pada tahun 1987, terbit sebuah buku yang berjudul *Post Structuralism And Questions Of History* yang membahas dengan panjang lebar tentang perlunya aspek sejarah dipraktikkan semula dalam penulisan dan kritikan sastera.

Aspek fungsional sejarah mula diberi perhatian dan penekanan. Keinginan untuk kembali semula kepada sejarah kian menyerlah dan diperhangatkan lagi oleh kelemahan-kelemahan teori-teori kritikan *Strukturalisme* (di Eropah) dan beberapa teori lain yang berpengaruh ketika itu seperti teori *Dekonstruksi* dan *New Critic* (di Amerika Syarikat) yang masing-masing pula sering bertelagah dari sudut dialektikalnya (Mana Sikana, 1998:292).

Pengaruh pemahaman baharu terhadap sejarah dalam kesusasteraan ini berkembang sebagai salah satu aliran baharu dalam era pasca moden. Pemahaman baharu ini juga telah melandasi kaedah baharu kritik sastera dengan menampilkan idea persejarahan baharu yang lebih reflektif pada makna-makna baharu sesuai dengan zaman terkini.

Pemahaman baharu ini juga telah menyerap masuk dalam kesusasteraan di seluruh dunia termasuk sastera di Malaysia. Satu seminar telah dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka pada tahun 1997 berjudul *Historisisme Baru: Menjambatani Sejarah*. Selepas itu beberapa seminar lagi dianjurkan oleh Dewan Bahasa dan Pustaka (DBP) dan mendapat sambutan dalam kalangan sarjana dan peminat sastera bagi mengetahui lebih lanjut idea baharu ini.

Kedudukan sejarah dalam kesusasteraan Melayu di Malaysia juga merupakan satu perkara yang penting dan banyak mempengaruhi pemikiran pengarang. Sejarah bangsa Melayu disalin tulis oleh Tun Sri Lanang dalam teks *Sejarah Melayu*. Sejarah kesultanan Melayu Melaka, Bendahara, Laksamana lima bersaudara, pahlawan dan tokoh-tokoh istana sering digunakan dalam penulisan novel, cerpen dan juga drama Melayu. Aspek sejarah yang digambarkan dalam karya kesusasteraan lazimnya mengambil sepenuhnya aspek sejarah baik dari sudut latar masa dan tempat, watak dan perwatakan. Unsur sejarah yang dihadirkan itu hanya salinan semula sejarah lalu.

Walau bagaimanapun, dalam tahun-tahun 1980-an, 1990-an dan awal dekad abad ke-21, terdapat kecenderungan beberapa orang pengarang menggunakan unsur sejarah dalam karya dengan menampilkan pemahaman baharu terhadap sejarah. Perkara ini dapat dilihat dalam drama *Jebat Menderhaka* karya Ali Aziz (1956), drama *Matinya seorang pahlawan* karya Usman Awang (1982), drama *Pahlawan Daerah Rodat* (1994) karya Wan Ahmad Ismail dan drama *Pasir-pasir di Pasir Salak* (2014) karya Mana Sikana.

Perkara ini juga dalam dilihat dalam genre novel seperti novel *'1515'* karya Faisal Tehrani dan novel *'Luka Nering'* (2014) karya Malim Ghazali Pk. Manakala genre puisi dapat dikesan dalam sajak-sajak Zurinah Hassan (2014) dan A. Halim Ali (2000, 2005, 2015). Kehadiran karya-karya yang membawa pemahaman baharu terhadap perkara yang berkait dengan sejarah orang-orang Melayu telah menimbulkan persoalan tentang motif dan tujuan perkara sejarah itu disoroti oleh pengarang dengan pandangan yang berbeza daripada konteks sejarah moden orang-orang Melayu di Malaysia di luar teks kesusasteraan.

## **Permasalahan**

Persepektif baharu yang tergambar daripada karya-karya ini menimbulkan pertanyaan dan persoalan tentang motif, tujuan dan makna sebenar yang ingin disampaikan pengarang. Apakah tujuan di sebalik penonjolan Hang Jebat sebagai pahlawan dalam drama *Matinya seorang pahlawan*? Demikian juga dengan penonjolan watak Nyemah Mulya seorang gadis berusia lima belas tahun dalam novel *'1515'* yang mampu memimpin armada tentera menakluk Portugis? Apakah pula tujuan penyair menampilkan watak antagonis Bendahara Melaka dalam peristiwa Hang Jebat menderhaka menentang raja Melaka? Apakah pula motif Wan Ahmad Ismail merendahkan Hang Tuah dalam drama *Pahlawan Daerah Rodat*, sebaliknya mengangkat watak Megat Panji Alam sebagai seorang pahlawan?

Persoalan-persoalan ini merupakan suatu manifestasi permasalahan yang tidak mudah dirungkai jawapannya, kerana penceritaan dan pengungkapan kisah sejarah dalam teks-teks baharu kesusasteraan Melayu masa kini menunjukkan wujudnya ketidak selarian kisah-kisah baharu ini dengan sejarah lama di luar teks. Pengarang dalam keadaan ini dilihat menggunakan peristiwa sejarah secara sedar dan selektif tatkala mengolah penceritaan supaya dapat menyakinkan pembaca.

Peristiwa sejarah silam dijadikan umpan untuk menarik perhatian tetapi dalam waktu yang sama `memasang` kail yang halus untuk memerangkap minda pembaca kepada makna baharu. Inilah fenomena `sejarah baharu` yang dikesan dalam novel `1515` karya Faisal Tehrani.

Kekalahan dan kejatuhan Melaka di tangan Portugis pada tahun 1511 telah menjadi sejarah dalam sejarah bangsa Melayu. Perkara ini bukan sahaja dicatat dalam buku-buku sejarah, tetapi juga diajar kepada murid-murid dan pelajar di peringkat menengah dan pengajian tinggi. Sejarah tidak pernah menukilkan bahawa orang-orang Melayu pada tahun 1515 menyerang dan menakluk Portugal serta menubuhkan kerajaan Melayu di sana sehingga tahun 1580. Tetapi perkara ini dinukilkan dan dikisahkan oleh Faisal Tehrani dalam novelnya `1515` dengan pendekatan penceritaan yang dapat meyakinkan pembaca tentang sejarah baharu itu.

Banyak persoalan dan pertanyaan yang berligar dalam fikiran pembaca tentang tahun 1515 yang digunakan sebagai judul novel ini, kerana kaitannya amat jelas dengan kisah yang dikisahkan dalam novel itu tentang kejatuhan Portugis di tangan orang Melayu. Lebih ironi, kejatuhan Portugal adalah di tangan seorang srikandi bernama Nyemah Mulya yang hanya baharu berusia 15 tahun. Apakah sebenarnya yang ingin disampaikan pengarang dengan meletakkan seorang tokoh wanita muda ini sebagai pejuang yang mampu mengalahkan sebuah kerajaan di Barat hanya dengan menggunakan kuasa kesaktian dan ilmu persilatan?

Kajian ini bertolak dari premis bahawa pemahaman sejarah baharu yang dibawa dalam novel `1515` wajar diperhalusi dan dianalisis bagi melihat dan mendapat jawapan atas persoalan-persoalan yang berkait dengan kebenaran fakta sejarah sedia ada dengan sinifikasi sejarah baharu yang dibawa dalam teks kreatif kesusasteraan. Sesuai dengan kedudukan novel ini yang mendapat perhatian ramai sarjana tentang keunikan dan kekuatannya dalam melahirkan idea-idea baharu melangkaui sejarah yang sedia ada.

## **OBJEKTIF KAJIAN**

Berasaskan permasalahan yang dibangkitkan, analisis ke atas novel `1515` oleh Faisal Tehrani bertujuan untuk mencapai objektif-objektif berikut:

1. Mengenalpasti unsur-unsur pensejarahan baharu dalam novel `1515`.
2. Membuktikan perkaitan unsur-unsur persejarahan baharu dalam novel `1515` dengan sejarah lama.

## **METODOLOGI**

Kajian ini merupakan sebuah kajian kepustakaan. Kajian kepustakaan dipilih kerana sesuai dengan jenis data dan kaedah analisis yang digunakan. Sumber data utama kajian adalah dalam bentuk teks yang boleh diperolehi daripada sumber kepustakaan iaitu novel `1515` karya Faisal Tehrani (2003) terbitan Utusan Melayu Publications & Distributors Sdn Bhd. Data yang diperolehi dari sumber utama kajian yang dianalisis dan dibincangkan berpandukan idea persejarahan baharu yang diperkenalkan Stephen Greenblatt (1980).

## **Kerangka Konsep Persejarahan Baharu**

Dimensi baharu yang ingin ditonjolkan dalam pemikiran pensejarahan baharu ini ialah bertujuan untuk menjadikan teks berupaya membawa makna baharu. Dengan makna baharu ini maka sejarah tidak lagi menonjolkan atau mengagungkan sejarahnya tetapi lebih menonjolkan makna baharu itu. Makna

baharu yang ditonjolkan membawa bersama suatu dimensi politik pengarang dengan tujuan-tujuan tentu.

Berasaskan idea Historisisme Baru Greenblatt, maka dapat difahami cara bekerja Historisisme Baru iaitu dengan melakukan dekonstruksi sejarah. Dekonstruksi berlaku dengan berbagai cara sehingga sejarah dilihat dengan sifat baharunya. Menurut Montrose (1992), peranan teori dekonstruksi dalam Historisisme Baru adalah sebagai alat menganalisis ideologi seperti yang digunakan oleh dekonstruksi untuk meruntuhkan struktur binari yang menjadi pusat kepada pemikiran tradisional Barat.

Historisisme Baru juga menerima pemikiran Bakhtin yang percaya bahawa penjelasan daripada pengucapan manusia termasuklah teks sastera adalah satu tindakan sosial yang bersifat "multiaccental" dan ia boleh diperolehi untuk pelbagai kegunaan (Rice & Waugh 1992: 260). Menyedari hakikat ini maka penulisan sejarah tidak lagi dipercayai membawa satu kebenaran dan kegunaan yang pasti. Pelbagai kemungkinan makna dan kegunaan boleh diberi melalui pentafsiran pembaca. Bagi Montrose (1992) sejarah adalah satu rekonstruksi tekstual tentang masa lalu, maka secara material ia tidak mempunyai autoriti.

Berasaskan idea Historisisme Baru, dapat dikenalpasti beberapa konsep penting persejaraan yang sangat relevan bagi menerangkan kedudukan sejarah dan cerita dalam teks kreatif Melayu dengan sejarah di luar teks serta tafsiran makna sejarah mengikut konteks terkini (present). Bagi tujuan kajian ini, kerangka Persejaraan Baharu dibina berdasarkan tiga perkara berikut sebagai kerangka analisis kajian, iaitu;

- a. Hubungkait sejarah atau cerita baharu dengan sejarah atau cerita lama.
- b. Dekonstruksi sejarah atau cerita dengan metod jungkir balik dan pemaknaan semula
- c. Sejarah atau cerita berkait langsung dengan ideologi pengarang. Untuk mengetahui makna sejarah atau cerita yang sesuai dengan realiti terkini bangsa Melayu, maka ideologi pengarang kteks kreatif Melayu perlu ditafsirkan.

Bagi tujuan kajian ini, analisis hanya tertumpu kepada untuk mengenal pasti unsur-unsur sejarah baharu dan juga menganalisis hubung kait sejarah baharu yang dikenal pasti dengan sejarah lama di luar teks.

## **ANALISIS DAN PERBINCANGAN**

Hasil analisis ke atas novel `1515` membuktikan bahawa pengarang novel iaitu Faisal Tehrani kembali kepada sejarah silam kerajaan Melaka abad ke-16. Namun, tujuan penulis novel itu telah disebut dengan jelas oleh pengarang melalui watak Nyemah Mulya yang mengajak Dr. Adi Fimiyun Abdul Hadi berkerjasama merubah sejarah. Dalam bab prolog, pengarang menyebutkan;

Nama hamba Nyemah Mulya. Usia lima belas tahun. Hamba menulis surat ini denfan satu niat. Bahaimana kalau kita berkerjasama merubah sejarah?

(Faisal Tehrani, 2003:ix)

Selanjutnya pengarang menyebutkan;

Hamba menulis dan mengutus surat ini dengan satu niat. Hamba membantah Melaka jatuh ke tangan Portugis. Hamba membantah Melaka dijajah penjahat Feringgi. Hamba membantah Nyemah Mulya diperhambakan di Lisbon.

Hamba mahu merubahnya dan hanya kanda sebagai sejarawan dapat membantu hamba untuk membentulkan semula jurusan sejarah yang memang salah ini. Hamba mahu ia sama sekali berbeza. Sama sekali tertulis sesuatu yang lain. Sesuatu yang menguntungkan bangsa dan agama kita. Hamba tidak dapat menerima

Nusantara terpecah-pecah menjadi mancanegara. Nusantara adalah tanah dan air, tanah air. Hamba mahu semuanya diperbetulkan. Hamba menuntut ia diperbaiki.  
(Faisal Tehrani, 2003:x)

Berdasarkan pernyataan yang dibuat melalui watak Nyemah Mulya, pengarang secara sedar dan tersurat menyebutkan keinginan untuk merubah sejarah silam, iaitu sejarah kejatuhan Melaka di tangan Portugis. Bagi pengarang sejarah silam itu telah ditulis dengan tidak benar dalam sejarah yang dipelajari hari ini. Justeru, beliau membantah dan menolak sejarah yang sedia ada dan berharap sejarah baharu ditulis.

Pernyataan yang disebutkan dalam prolog itu juga membayangkan sejarah negeri Melaka dijajah Portugis ditulis oleh penjajah yang berkuasa dan memberi kebaikan kepada Portugis. Kerana itu, pengarang berharap sejarah itu dapat diperbetulkan dengan ditulis semula dalam bentuk yang sama sekali berbeza dengan harapan penulisan semula sejarah Melaka itu dapat memberi keuntungan kepada bangsa dan agama.

Dorongan untuk merubah sejarah Melaka telah mendesak Nyemah Mulya meminta bantuan Dr. Adi Fimiyun Abdul Hadi beberapa kali. Kesungguhan itu dapat dilihat pada pernyataan Nyemah Mulya pada halaman 39 novel `1515` seperti berikut;

Tetapi hamba ingin meminta bantuan kanda untuk menyelamatkan keadaan ini. Untuk merubahnya supaya baginda sultan nanti tidak perlu berundur ke Batu Hampar, Hulu Muar dan Penarikan. Supaya tidak ada orang Melaka yang mati dibunuh fan orang perempuan dipunggah Feringgi. Supaya tidak ada manusia Islam murtad oleh tekanan dan kejahatan Portugis. Supaya ada masa untuk memohon bantuan dari seluruh kerajaan di Nusantara. Supaya bala tentera dari Turki Uthmaniyyah sempat tiba dan Melayu serta Muslim tidak begitu terhina oleh 1511.  
(Faisal Tehrani, 2003:39)

Tiga pernyataan yang ditemui dalam prolog dan juga pada halaman 39 novel menunjukkan bahawa tujuan penulisan novel ini adalah untuk menulis sejarah baharu tentang Melaka yang berperang dengan Portugis. Untuk menulis semula sejarah pengarang kembali kepada sejarah silam Melaka. Sejarah Melaka pada abad ke-16 adalah sejarah kegemilangan Melayu. Namun, dianggap oleh pengarang telah ditulis dengan salah oleh Portugis. Kecurigaan pengarang terhadap sumber penulisan sejarah oleh orang Barat ini dapat dilihat pada pernyataannya pada halaman 45-46;

Saya membuka mata. Mengapa semua karya Portugis ini? Mengapa saya menumpukan perhatian kepada benggali Putih ini? Untuk apa?  
(Faisal Tehrani, 2003:45-46)

Kejatuhan Melaka di tangan Portugis pada tahun 1511 dan beberapa kisah serangan balas yang dilakukan oleh sultan Mahmud untuk menawan semula Melaka adalah satu sejarah yang sudah sedia termaktub dalam buku sejarah. Namun bagi pengarang sejarah itu dapat diubah. Sejarah boleh diterbalikkan untuk mendapat pengajaran yang lain. Demikian tugas pengarang dalam pernyataannya seperti berikut;

Dia menarik nafas. Sejarah dapat diubah kerana sejarah dapat diterbalikkan untuk mendapat pengajaran yang lain.  
(Faisal Tehrani, 2003:116)

Tindakan pengarang kembali kepada sejarah Melaka abad ke-16 merupakan suatu usaha untuk mengembalikan kegemilangan kerajaan Melaka. Hal ini sama keadaannya dengan pengarang-pengarang Barat yang kembali kepada era renaissance. Menurut Mana Sikana (2015), kembali kepada

sejarah juga diertikan kembali ke zaman renaissance yang dianggap oleh Barat sebagai golden ages, zaman kebangkitan Eropah menjadi bangsa yang tegar dan permulaan penjajahan.

Dengan kembali ke zaman pemerintahan negeri Melaka pada abad ke-16, pengarang cenderung kepada usaha untuk mengangkat kegemilangan sejarah silam Melaka dengan cara merubah dan membina semula sejarah itu dalam bentuk yang baharu. Daripada pernyataan hasrat, penegasan matlamat dan juga kesediaan sejarawan melakukannya, maka pengarang novel `1515` telah melakukan jungkir balik sejarah.

Analisis yang dilakukan mendapati terdapat enam unsur sejarah baharu yang dikisahkan dalam novel ini. Antara unsur sejarah baharu itu ialah;

1. Kisah keperwirawati seorang gadis berusia 15 tahun bernama Nyemah Mulya menentang Feringgi di Melaka,
2. Kapal Flor de la mar dimusnahkan oleh seorang wannita Melayu,
3. Alfonso Alburquerque dibunuh oleh seorang gadis Melayu,
4. Wanita memimpin 100 buah armada tentera menawan Portugal.
5. Melaka menawan Portugis pada tahun 1515, dan
6. menubuhkan kerajaan Melayu di Portugal sehingga tahun 1580

### **Keperwirawati Wanita Menentang Feringgi**

Analisis yang dilakukan ke atas novel `1515` mendapati sejarah baharu yang dibawa dalam novel ini tertumpu pada bab keempat yang mengisahkan kehebatan watak Nyemah Mulya yang menentang dan membunuh orang-orang Portugis dan juga kisah Nyemah Mulya menakluk Portugal dengan 100 buah armada perang Melaka.

Berdasarkan analisis kepustakaan yang dilakukan tidak ditemui tokoh sejarah seorang wanita yang sangat hebat menentang, menyerang dan membunuh orang-orang Feringgi yang menyerang Melaka pada tahun 1511. Namun, kajian ke atas novel ini mendapati pengarang menyediakan seorang watak wanita bernama Nyemah Mulya yang hebat dengan ilmu persilatannya menyerang dan membunuh Feringgi. Kehebatan Nyemah Mulya digambarkan pengarang dalam hampir keseluruhan bab keempat novel. Di antaranya kehebatan Nyemah Mulya mematahkan serang Feringgi untuk menawan masjid Melaka dengan kebijaksanaan menggunakan ayat-ayat suci al-Quran;

Usaha Portugis untuk menawan masjid hamba patahkah kerana hati kecil hamba tahu jika masjid ini kalah bermakna kalahlah Islam. Hamba bertahan di situ seorang diri dengan membaca ayat-ayat suci al-Quran dalam hati, berulang-ulang.

(Faisal Tehrani,2003:151)

Pada halaman 152, pengarang menyebutkan;

Ferno Peres de Anrande telah menembak hamba dengn bedil, tapi berkat ayat-ayat suci al-Quran dari surah al-Qodar hamba dapat mengenggam peluru besi itu dan menghantarnya semula balik. Peluru itu gesit memecut dan membenam ke dalam peha feringgi jahat.

(Faisal Tehrani,2003:152)

Selanjutnya pada halaman 153, pengarang juga menyebutkan kebijaksanaan Nyemah Mulya menggunakan ayat-ayat suci al-Quran;

Hamba juga mara sambil membaca surah al-Lahab secara terputus-putus sambil mendoakan barisan musuh itu putus-putus juga, pecah belah dan tidak mampu bersatu.

(Faisal Tehrani, 2003:153)

Nyemah Mulya turut digambarkan pandai menggunakan ilmu terbang yang membolehkan beliau bergerak di udara dari satu pucuk kelapa ke satu pucuk kelapa untuk menyerang Feringgi dari udara;

Hamba telah menyerbu kepada kumpulan Feringgi tersebut dan hamba telah mengamuk sepuas hati. Hamba terbang dari satu pucuk ke satu pucuk kelapa dengan hati yang padu sambil melontar lembing. Dari permukaan tanah hamba tampak-tampak apung, antara nampak dengan tidak. Dengan keris serta panah hamba bunuh lebih seratus orang Feringgi hingga terkedang darah di atas jalan.

(Faisal Tehrani, 2003:151)

Kehebatan Nyemah Mulya menyerang sambil terbang juga ditunjukkan pengarang sewaktu menghalang Feringgi yang diketuai Joao de Sousa, Antonio de Abreu dan Aires Peres yang menyerang orang-orang Melayu di suatu jambatan;

Saat terlihatkan Joao de Sousa, Antonio de Abreu dan Aires Peres mula menembak melulu ke arah orang-orang Melaka dan maju ke arah jambatan, hamba tampil ke depan mereka dengan sekali loncat terus terbang menahan peluru dan menghantarnya semla kepada tuannya.

(Faisal Tehrani, 2003:153)

Kehebatan Nyemah Mulya menentang dan menyerang Feringgi dengan kebolehan sendiri telah diperhatikan oleh Sultan Mahmud dan Tun Fatimah. Tun Fatimah telah meminta Sultan Mahmud supaya mencari perempuan muda yang lincah dan handal menentang Feringgi itu. Apabila sampai di istana, Sultan Mahmud memerintahkan Bendahara Tepok untuk memanggil budak perempuan muda (anak perawan) yang berkelubung kain pelekat itu datang ke istana.

Dalam suasana di balai penghadapan, watak Nyemah Mulya berdiri sebagai seorang tokoh perwirawati Melaka yang sangat hebat dan disetentangkan dengan tokoh-tokoh istana yang sebenar seperti Bendahara Tepok, Sultan Mahmud, Tun Fatimah dan Sultan Ahmad. Dalam satu sudut, watak Nyemah Mulya dapat dirasakan sebagai seorang watak sejarah yang benar-benar wujud dalam sejarah Melaka.

Namun, hasil penelitian kepustakaan, tiada tokoh wanita muda belasan tahun yang bernama Nyema Mulya wujud ketika Melaka diserang Portugis. Tiada bukti sejarah menyebutkan kehebatan mana-mana watak dalam sejarah yang lincah, pandai menggunakan jin, pandai menggunakan ayat-ayat al-Quran, lincah menggunakan senjata keris dalam menentang Portugis. Meskipun, unsur sejarah lama wujud menerusi watak Sultan Mahmud, Tun Fatimah, Bendahara Tepok dan Sultan Ahmad, namun kehadiran Nyemah Mulya tetap merupakan suatu unsur baharu yang secara sengaja diciptakan pengarang.

Kelincahan Nyemah Mulya adalah sesuatu yang normal bagi sesiapa yang mempunyai ilmu persilatan, ilmu agama dan ilmu penggunaan jin. Namun kehadirannya sebagai sebahagian daripada sejarah lama Melaka tidak dapat disahkan oleh mana-mana catatan sejarah Melaka. Justeru, kewujudannya dan segala peristiwa Nyemah Mulya mempertahankan Melaka dari jatuh ke tanah Portugis ada suatu bentuk sejarah baharu yang diadakan oleh pengarang di dalam novel dengan tujuan-tujuan tertentu seperti mana yang tertulis dan dikesan dalam banyak pernyataan pengarang dalam bahagian prolog novel.

## **Perempuan Memimpin Angkatan Perang**

Dalam sejarah Melaka, peperangan menentang Portugis dipimpin oleh kaum lelaki. Setelah Melaka jatuh ke tangan Portugis, serangan-serangan oleh Melaka ke atas Portugis masih dilakukan oleh sultan Mahmud. Namun, angkatan perang dipimpin oleh Sultan sendiri.

Dalam novel '1515,' sejarah ini telah diubah oleh pengarang dengan memberikan peranan memimpin angkatan perang kepada seorang wanita yang bernama Nyemah Mulya yang masih muda dan dianggap berhingus. Analisis yang dilakukan menunjukkan sultan Mahmud menaruh keyakinan yang tinggi terhadap kebolehan Nyemah Mulya untuk memimpin pasukan perang meskipun kurang disenangi oleh anakandanya Sultan Ahmad dan Bendahara Tepok.

Sewaktu Nyemah Mulya diperintah mengadap sultan di balairong, Sultan Mahmud begitu yakin dengan kebolehan Nyemah Mulya. Setelah mendengar keterangan Nyemah Mulya tentang sebab-sebab dia menentang Portugis, sultan Mahmud membuat tawaran kepada Nyemah Mulya;

‘Sultan Mahmud mengambil suasana. ‘Wahai anakanda Nyemah Mulya, jika kita perintahkan kamu untuk memimpin pasukan perang Melaka apakah kamu bersedia? Bukan kita mencadai sengaja ingin menguji kerana ini urusan besar, jika sanggup katakan ya, jika tidak maka berserah sahaja’

(Faisal Tehrani, 2003:159).

Nyemah Mulya telah menerima perintah sultan untuk memimpin pasukan perang Melaka, tetapi dibantah oleh Sultan Ahmad. Sultan Mahmud murka dengan keadaan itu. Namun sebagai untuk membuktikan kebenaran kepahlawanan Nyemah Mulya, sultan Ahmad meminta Nyemah Mulya menunjukkan petanda tentang Feringgi itu semua.

Bagi membuktikan kejujurannya untuk memimpin pasukan perang Melaka dan membuktikan kebolehannya sebagai pendekar perang, Nyemah Mulya akhirnya menyempurnakan apa yang diperintahkan oleh Sultan Ahmad iaitu memerintahkan Jin yang bernama Safri untuk menculik dan membawa seorang penjahat yang membantu Feringgi bernama Nina Chattu ke balairung.

Nina Chattu seorang berketurunan keling yang bersubahat dengan Feringgi menyampaikan maklumat kepada Al-Fonso Albuquerque tentang kedudukan dan keadaan kota Melaka, istana dan tentera Melaka. Kebolehan Nyemah Mulya membawa Nina Chattu dengan bantuan Jin amat mengagumkan sultan Mahmud dan menimbulkan rasa gerun dan serba salah dalam kalangan pembesar di balairung. Dengan kebolehan itu juga sultan Mahmud bertambah yakin dengan kebolehan Nyemah Mulya meskipun dia hanya seorang wanita berusia belasan tahun. Dengan itu rasmilah Nyemah Mulya dilantik sebagai panglima untuk memimpin pasukan Melaka. Sultan Mahmud bertitah;

‘Anakanda Nyemah, sekarang rasmilah kamu kita lantik sebagai panglima perang memimpin pasukan Melaka. Terpulanglah kamu untuk apa-apakan kita’

(Faisal Tehrani, 2003:164)

Dengan titah itu, maka Nyemah Mulya pun memohon beberapa keperluan sebagai persiapan untuk menghadapi Feringgi. Di sinilah pengarang novel meletakkan kehebatan wanita sebagai panglima mengatur strategi untuk mempertahankan Melaka. Penonjolan wanita dengan berbagai sifat keperwirawatinya itu menjadikan sejarah yang dibawa dalam novel ini penuh dengan nilai baharu yang bertentang dengan sejarah lama. Ini kerana selain tokoh wanita Tun Fatimah tiada tokoh wanita dalam sejarah pemerintahan sultan Mahmud yang berperanan dan dilantik sebagai panglima perang. Namun, di tangan pengarang novel, wanita bernama Nyemah Mulya dihadirkan dengan segala kehebatannya. Inilah sejarah baharu yang diselipkan oleh pengarang di sebalik sejarah lama yang dibayangi tokoh-tokoh seperti sultan Mahmud, sultan Ahmad, Tun Fatimah dan Bendahara Tepok.

Sebagai seorang yang memikul amanah memimpin angkatan perang, Nyemah Mulya diberikan pengarang dengan sifat bijak dan licik mengantar strategi pertahanan dan menyerang musuh.



Analisis mendapati kelincuhan Nyemah Mulya dapat dilihat ada beberapa tindakan beliau mengatur strategi, antaranya;

a. Menyerang Feringgi secara serentak

“Hamba mengarahkan supaya sekumpulan pendekar membedil Feringgi itu dengan bedil meriam, senapang dan sumpitan anak panah beracun dari semua jihat bertalu-talu. Semuanya dilakukan dengan serentak. Ayah hamba telah meletupkan rentaknya sehingga Antonio de Abreu tersungkur rebah. Satu das tembakan ayah hamba telah merobekkan rahangnya juga meluruhkan beberapa batang giginya dan mengoyakkan lidahnya”.

(Faisal Tehrani, 2003:171)

b. Membakar jambatan untuk menyekat kemaraan Feringgi

Setelah melihat askar upahan Feringgi memanjat tembok jambatan dan berjaya menewaskan orang-orang Jawa, maka Nyemah Mulya berunsur dan memerintahkan supaya dinyalakan api di bahagian hujung jambatan. Obor api yang dinyalakan itu dibaling ke tengah jambatan menyebabkan jambatan terbakar hangus. Akibatnya tentera Feringgi tidak dapat masuk ke kota Melaka.

“Melihat itu, hamba berundur segera dan memerintahkan supaya dinyalakan api di bahagian hujung jambatan. Obor hamba arahkan supaya dibaling ke tengah jambatan. Jambatan harus dibakar, biar hangus dan tidak ada apa lagi yang akan direbut. Lihat bagaimana nanti langkah yang diatur benggali putih”

(Faisal Tehrani,2003:171)

c. Menasihatkan Sultan Menolak Gencatan Senjata

Kegagalan tentera Feringgi untuk masuk ke kota Melaka dan ramai dalam kalangan tentera terbunuh telah menjejaskan tentera Feringgi. Gusar dengan peperangan yang panjang dan pertahanan yang lemah menyebabkan mereka menghantar utusan untuk mengadakan gencatan senjata. Nyemah Mulya digambarkan bijak membaca taktik tipu helah Feringgi dan menasihatkan sultan supaya menolak gencatan senjata tersebut. Pengarang menggambarkan kebijaksanaan Nyemah Mulya memberi nasihat kepada sultan;

“tuanku, ampunkan patik. Pada hemat patik tolak sahaja tawaran itu kerana kita sendiri mendengar cerit dari saudagar Ormuz dan Gugerati bagaimana licik mereka itu berhelah dan tidak kita ketahui ikhlasa hanya atau tidak”

(Faisal Tehrani,2003:171)

Analisis yang dilakukan menemui banyak kisah kelincuhan Nyemah Mulya menjalankan tugasnya sebagai panglima perang. Setiap perancangannya digambarkan berjaya mengalahkan Feringgi dan dalam waktu yang sama dapat menyelamatkan kota Melaka dari diserang Feringgi.

Pada peringkat ini, bagi menunjukkan bahawa wanita juga mampu memimpin angkatan perang dan mempunyai kelebihan-kelebihan tertentu lebih daripada lelaki, pengarang telah memberi nilai-nilai keterampilan dalam kepimpinan perang pada watak Nyemah Mulya.

### **Kapal Flor De La Mar Dimusnahkan Oleh Seorang Wanita**

Analisis yang dilakukan juga menemui unsur sejarah baharu iaitu kapal Portugis yang bernama Flor De La Mar dimusnahkan oleh seorang wanita bernama Nyemah Mulya. Sebelum kapal dimusnahkan, pengarang memberi gambaran kehebatan wanita yang menjadi pemimpin perang Melaka ini dengan kebolehan melaung takbir, membaca azimat, membaca firasat dan berjalan di atas air ketika hendak menaiki kapal untuk menyerang. Pengarang menggambarkan hal ini pada halaman 178-181;

Inilah saatnya yang hamba tunggukan. Apabila hamba sudah semakin yakin, hambapun boleh berlari laju di atas air dan dalam beberapa detik berlarian begitu, tibalah hamba ke belakang buritan Flor de la mar.

(Faisal Tehrani, 2003:178)

Seterusnya, Nyemah Mulya telah menggunakan ilmu firasatnya untuk mengetahui kedudukan askar Feeringgi di dalam kapal. Pengarang menulis;

Di atas permukaan air hamba kelilingi akan bahtera itu tiga kali keliling dan menerusi firasat tahulah hamba tidak lebih dua puluh kelasi sahaja yang sedang berkawal. Hamba meloncat ke udara dengan sekali loncat hamba sudah mendarat di atas geladak.

(Faisal Tehrani, 2003:178-179)

Pengarang turut menggambarkan ketangkasan dan kebolehan Nyemah Mulya terbang di udara dan membunuh kelasi kapal yang sedang mengawal. Kehebatan seorang wanita yang bernama Nyemah Mulya ini digambarkan dengan penuh kelincahan sepertimana berikut;

Saat hamba sudah berada di atas bahtera, seorang pengawal segera tersedar dan melompat menghunus pedang, tetapi hamba pula terbang dari atas menjunam ke bawah menikam tepat ke kerongkong pengawal itu. Tanpa berlengah hamba berkelahi dengan seorang lagi pengawal yang tiba-tiba muncul dari sebalik anjung. Hamba tikam tepat ke jantungnya dan hamba rodok semau hati sehingga hamba pasti askar Malabar itu tidak bernyawa lagi.

(Faisal Tehrani, 2003:179)

Nyemah Mulya juga dikisahkan berjaya membunuh Pero Goncalves. Walau pun Pero Goncalves dapat melepas tembakan ke arah Nyemah Mulya, namun pengarang menggambarkan Nyemah Mulya mampu dengan kebolehannya melaung azimat pelias menangkap peluru yang keluar dari senapang Pero Goncalves lalu digenggamnya. Peluru itu kemudiannya dikunyah dan ditelan oleh Nyemah Mulya sehingga Pero Goncalves berasa sangat takut dan mengigil. Dalam keadaan ketakutan dan terpinga-pinga itulah, Nyemah Mulya menikam Pero Goncalves sehingga mati. Hal ini dikisahkan oleh pengarang sebagai satu sejarah baharu seperti berikut;

Tanpa berlengah hamba bertakbir dan melaung azimat pelias yang pernah ayah hamba ajari saat bertapa di Gunung Ledang dahulu. Peluru itu hamba tangkap dengan tangan dan hamba genggam. Terkejut gemuk Pero hingga menggigil ketakutan. Untuk menambah rasa ngeri Pero pengecut, hamba ambil peluru itu dan hamba kunyah allu telan, berkat doa Nabi Daud, besi itu menjadi mudah cair dan senang sekali hancur, berkhasiat untuk ditelan. Hamba tidak berlengah menikam Pero yang sedang terpinga, ditusuk di pinggang dan dada sebelum rebah menggelupur.

(Faisal Tehrani, 2003:179)

Kelincahan dan kehebatan Nyemah Mulya walau pun hanya seorang wanita telah diberi suatu perwatakan penuh keperwirawatan. Susur galur kehebatan Nyemah Mulya disusun dengan baik sebelum sampai kepada matlamat akhirnya untuk memusnahkan kapal kemengahan Portugis Flor de la mar.

Kehebatan Nyemah Mulya berseorang diri mampu memusnahkan kapal Portugis dikisahkan pada halaman 181 novel `1515`. Kisah baharu ini disusn oleh pengarang dengan menggabungkan unsur sejarah baharu dengan keajaiban ilmu firasat, persilatan Melayu dan ilmu agama. Hal ini dapat dilihat jelas dikisahkan pengarang seperti berikut;

Hamba mengelilingi bahtera Flor de la mar itu tiga kali sambil membaca ayat-ayat suci al-Quran, kemudian bersujud syukur. Setelah itu hamba masuk ke kamar menyimpan peluru dan peledak. Sebuah tong berisi peledak hamba cabut penutupnya lalu dituntung sepalnajg jalan hingga ke tangga dan akhirnya naik ke geledak. Hamba pun mencucuh api di hujung serbuk peledak, segera ia menyambar berkejar mengikut jalan yang hamba buat. Hamba berkira-kira akan tempoh ia tiba ke kamar menyimpan peluru dan peledak itu dan bersegera terjun ke permukaan air.

Hamba berlari se pantas kilat meninggalkan Flor de la mar dengan hati yang suka dan penuh syukur.

(Faisal Tehrani,2003:181)

Peristiwa seorang wanita berjaya memusnahkan kapal Flor de la mar adalah satu sejarah baharu yang dikisahkan dalam novel `1515`. Jika dibandingkan dengan kisah sebenar yng berlaku kepada kapal Flor de la Mar sewaktu belayar pulang ke Lisbon pada tahun 1511 setelah membawa muatan harta yang dirampas setelah berjaya menakluk Melaka. Kapal yang sarat dengan muatan ini telah dilanda ribut kencang dan karam pada 20 November 1511.

Peristiwa bersejarah ini telah dilencongkan sejarahnya dengan meletakkan sebab musabah kemusnahannya di tangan seorang wanita yang bernama Nyemah Mulya. Lencongan itu disandarkan pada dua perkara iaitu punca kemusnahan dan pihak yang memusnahkan. Dengan berbuat demikian fakta tentang kemusnahan kapal Flor de la mar di lautan itu tidak terusik, namun faktor kemusnahan dan pihak yang memusnahkan itu sahaja dilencongkan supaya kelihatan pada pandangan pembaca kehebatan orang Melayu dan lemahnya orang Portugis.

### **Wanita Tawanan Portugis**

Kisah seorang wanita diselamatkan oleh Alfonso Albuquerque sewaktu kapal Flor de la mar hampir karam ada diceritakan dalam beberapa versi tulisan termasuk tulisan dalam blog. Dalam pelayaran membawa muatan pelbagai jenis barangan yang bernilai setelah berjaya menakluk Melaka, kapal Flor de la mar akhirnya karam. Kapal Flor de la mar dipercayai membawa muatan seperti berikut;

1. Perempuan-perempuan penenun kain
2. Anak-anak perempuan bangsawan Melaka (Tun Fatimah juga dipercayai dibawa tetapi mati setelah kapal itu karam)
3. Tiang-tiang istana Melaka yang dihias dan dilepa dengan emas dan perak.
4. Tanduk gajah sultan Melaka yang disepuh dengan emas
5. Enam puluh tan emas barang kemas
6. Meja berkaki emas
7. Enam biji singa tembaga besar hadiah maharaja China
8. Baju perisai perang berkain baldu, senjata, topi besi berhias indah
9. Baju-baju berkain sutera dan baldu
10. Mangkuk-mangkuk perak
11. Dua buah pasu besar

12. Perabut-perabut indah
13. Dua ratus kotak berlian, rubi dan permata-permata mahal.

(Sumber: <http://www.ciptaan.com>)

Pengarang novel `1515` juga melukiskan muatan kapal Flor de la mar yang dikatakan dibawa balik ke Portugal oleh Alfonso de Albuquerque. Pada halaman 246, pengarang menyebutkan;

Kau memandang ke ruang lain di kamar itu. Lebih seratus dara, kau percaya mereka semua belum disentuh dan kau lihat juga segala jenis barangan yang diangkut bersama. Enam ekor singa gangsa yang pernah dilihat di setiap penjuru istana Melaka. Ini dulunya hadiah daripada maharaja China. Peti-peti yang tidak bertutup terlumpah segala besi, kain tekatan beenang emas dan pelangki bersadur emas. Bebreapa orang gadis mengerekot di antara peti-peti itu.

Kau lihat ada meja kayu berkaki emas, gamelan, dua buah loceng perak, lukisan-lukisan dari Jawa yang barangkali dicuri dari mana-mana rumah pembesar. Kau tahu dengan sesungguh hati. Bukan itu sahaja yang dirompak. Pasti ada 9lagi.

Kau tidak tahu Nyemah. Di atas bahtera Flor de la mar itu termuat tiga ribu pucuk meriam, dengan dua ribu pucuk meriam dengan dua ribu daripadanya diperbuat daripada gangsa, senapang, sumpitan,, busur dan panah, lebing serta tombak. Gelang rantai, loket, cincin permata, mahkota permaisuri, mutiara, pedang bertatah baiduri dan keris-keris bersalut emas turut disumbat sekali.

Kain-kain songket, tenunan dan pelbagai jenis tikar yang sempat dirampas dari rumah para pembesar dan orang kaya Melaka bergulungan beretimbun-timbun. Peti-peti wang emas dan sejumlah wang bernilai lima puluh ribu cruzados disimpan selamat di kamar Albuquerque.

(Faisal Tehrani, 2003:246)

Menerusi pernyataan pengarang dalam novel `1515` ada disebutkan tentang lebih 100 orang dara (perempuan) yang antara lain dibawa dalam kapal Flor de la mar. Pernyataan ini mempunyai kaitan dengan sejarah lama yang turut menyebutkan adanya kaum wanita yang dibawa ke Lisbon di samping harta benda dan pelbagai alat-alat kebesaran sultan Melaka. Sumber dari buku yang berjudul `Albuquerque Caesar Timur (Teks-Teks Pilihan Daripada Afonso De Albuquerque dan Anaknya (1995) ada menyebutkan catatan Alfonso Albuquerque tentang harta rampasan yang dibawa dari Melaka tenggelam bersama kapal Flor de la mar;

Nuno Vaz membawa mutiara yang diberikan oleh raja Siam kepada Tuanku. Ada pedang, batu, delima dan cawan emas yang dapat diselamatkan daripada serpihan Flor de la mar..

Nuno Vaz dan Juruaudit membawa emas, perak, tembaga dan duit tuimah yang dicap dengan nama Tuanku di Melaka. Banyak duit timah itu hilang dalam Flor de la mar..

Saya tidak menyelamatkan dua keris iaitu pisau Jawa dengan sarungnya daripada emas dan batu-batu berharga serta hulunya...

(T.F. Earle & John Villiers, 1995:175-176)

### **Alfonso de Albuquerque dibunuh oleh seorang Wanita**

Analisis yang dilakukan juga menemui kisah baharu yang sama sekali tidak pernah disebutkan dalam sejarah sebenar di luar teks. Kisah baharu yang dimaksudkan ialah kisah Alfonso de Albuquerque, wizurai dan panglima perangan Portugis berjaya dibunuh oleh Nyemah Mulya dengan hanya menggunakan senjata tradisional Melayu. Kisah baharu ini diperincikan pengarang pada halaman 199-201. Secara, pengarang memberi suatu gambaran secara kronologi kisah pembunuhan Alfonso de Albuquerque di tangan Nyrmah Mulya seorang waita belasan tahun seperti berikut:-

- a. Nyemah Mulya meminta Alfonso de Albuquerque menyerah diri setelah semua askar Portugis dapat dibunuh. Pengarang memaparkan tawaran Nyemah Mulya supaya Alfonso de Albuquerque menyerah pada halaman 199;

Wahai Feringgi tua, menyerah diri sahajalah. Semua askarmu sudahpun ditawan dan tidak dapat kau berbuat apa-apa lagi. Cita-citamu hendak menyebarkan agama Kristian, menguasai Melaka hanyalah sia-sia.

(Faisal Tehrani, 2003:199)

- b. Alfonso Albuquerque Tidak Mahu Menyerah Diri Sebaliknya Mengajak untuk Bertikam dengan Pedang.

Tawaran oleh Nyemah Mulya supaya Alfonso de Albuquerque menyerah diri ditolak. Penolakan itu mungkin kerana pandangan rendah Alfonso de Albuquerque terhadap Nyemah Mulya yang hanya seorang wanita belasan tahun. Pengarang menulis;

Alfonso de Albuquerque mencebik. Aku tidak akan menyerah wahai pelacur bawah umur! Biar aku mati sahaja. Aku cabar kau untuk berpedang dengan aku sehingga salah seorang daripada kita mati

(Faisal Tehrani, 2003:199)

- c. Berlaku Pertikaman Pedang

Setelah menolak tawaran menyerah diri dan mencabar untuk bertikam dengan pedang, Alfonso de Albuquerque memulakan tindakan dengan mengacu dan mengacung pedang ke dada Nyemah Mulya, tetapi dapat dielakkan oleh Nyemah Mulya sambul terbang ke atas. Nyemah Mulya berasa marah apabila digelar pelacur oleh Alfonso de Albuquerque. Dengan perasaan marah itu juga Nyemah Mulya. Dengan menggunakan sepatang tombak, Nyemah mua bertarung dan bertikam dengan Alfonso de Albuquerque yang menggunakan pedang hadiah Raja Manuel, sebilah pedang panjang bertatah berlian dan permata. Gambaran pertarungan yang berlaku dalam masjid ini dikisahkan pengarang seperti berikut;

Hamba cuba bertahan dengan tombak san satu saat Alfonso de Albuquerque menetak tombak hamba hingga patah...

Ayah hamba dari luar segera melemparkan sebuilah pedang ke dalam masjid dan sempat hamba sambut. Kembali hamba bersenjata. Tatkala hamba melompat mencapai pedang dan cuba menetak Albuquerque, orang tua itu berhasil mengelak dan terjatuh.

Tiba-tiba bertarung menjadi susah kerana orang Melaka menjadi gila ramai mencucuk keris dari bawah lantai masjid. Buat seketika hamba dan Alfonso de

Albuquerque berhenti berpedang dan mula menabur buntul kain sejadah tebal-tebal di atas lantai untuk bertempur secara lebih berkesan tanpa gangguan.

Hamba berusaha menetak Albuquerque, tetapi ternyata panglima itu cekap juga bermain senjata.

(Faisal Tehrani, 2003:199)

d. Alfonso De Albuquerque Ditikam

Sebelum Alfonso Albuquerque berjaya ditikam oleh Nyemah Mulya, pangarang menyediakan waktu kepada kedua-dua orang itu sedikit masa untuk berbual ringkas tetapi penuh emosi marah dan menghina. Dalam berbual itu, Albuquerque menyangka Nyemah Mulya terleka dan beliau cuba mengenakan Nyemah Mulya, tetapi dapat dielakkan. Nyemah Mulya dengan kelincihan dan kebolehan terbang akhirnya berjaya menikam Alfonso de Albuquerque. Penarang menggambarkan;

Menyangka hamba terleka, Albuquerque menyerbu cuka menghempuk pedangnya yang berat itu ke bahu hamba. Tangkas hamba mengelak, melompat ke udara, mengilas ke belakang segera dan dengan sekali hunus menikam belakang Albuquerque tembus ke depan merentas perut dan usus.

(Faisal Tehrani, 2003:199)

e. Alfonso de Albuquerque Mati dibunuh Nyemah Mulya

Setelah berjaya ditikam dengan padang, Alfonso de Albuquerque akhirnya menghadapi detik kematiannya dengan keadaan yang sangat tragis. Pengarang menggambarkan keadaan tragis seperti berikut;

Jelur-jelir lidah Albuquerque menahan kesakitan sakarat sementara darahnya menitis ke lantai masjid. Penglima itu menahan-nahan perutnya tetapi apabila tangan terlepas berjeleberan usus terlambak.

Albuquerque menggelepar seperti ayam disembelih, menendang kaki kiri kanan. Tahulah hamba roh untuk panglima jahat seperti ini amat kasar sekali direntap dari jasadnya.

(Faisal Tehrani, 2003:199)

### **Lisbon ditawan Tentera Melaka**

Satu lagi unsur sejarah baharu yang dapat dikesan dalam novel '1515' ialah sejarah kejatuhan Lisbon di tangan tentera Melaka yang dipimpin seorang Wanita belasan tahun iaitu Nyemah Mulya. Sejarah baharu ini merupakan klimaks kepada proses dekonstruksi dan lencongan sejarah yang dilakukan pengarang. Kisah kejatuhan Lisbon di tangan tentera Melayu dikisahkan pada halaman 209 hingga 225. Kisah ini dibawa oleh pengarang menerusi teknik imbas kembali. Imbas kembali berlaku pada watak Dr. Adi Fimiyun Abdul Hadi sewaktu diperkenalkan dengan seorang gadis bernama Nyemah Mulya Jose sewaktu sampai di Lisbon 18 November 2002. Pada halaman 210 pengarang membawa Dr. Adi Fimiyun Abdul Hadi ke zaman Melaka dalam tahun 1511 bagi memerihalkan kehebatan seorang srikandi Melayu bernama Nyemah Mulya yang memimpin bala tentera Melaka untuk menawan Lisbon. Dalam imbas kembali ini, Dr. Adi Fimiyun Abdul Hadi hanyut dalam dunia bawah sedarnya dan membayangkan gadis Melayu bernama Nyemah Mulya ini;

Saya terdiam. Semacam tersentak. Nyemah Mulya. Saya terhantar ke tahun 1511. Saya mengkhayalkan bagaimana gadis baru berusia lima belas tahun itu dapat meyakinkan sultan Mahmud untuk menghimpunkan bala tentera dan seisi Nusantara....`

(Faisal Tehrani, 2003:210)

Kronologi kisah tentera Melaka menawan Lisbon bermula dengan kejayaan Nyemah Mulya membebaskan Goa daripada penguasaan Portugis. Nyemah Mulya kemudiannya belayar ke Jeddah dan memunaikan umrah di Mekah. Di Jeddah, Nyemah bertemu dengan seorang saudagar Cina dari Canton bernama Samsuddin yang menjadi suami Nyemah Mulya kemudiannya. Samsuddin inilah yang banyak memberi wang untuk membantu usaha Nyemah Mulya. Dari sini tentera Melaka bergabung dengan 20 kapal perang Turki.

Bala tentera ini kemudiannya belayar ke Sepanyol dan Portugal melalui pesisir benua Afrika. Mereka berhenti seketika di Afrika Selatan. Sebahagian daripada tentera Jawa yang mengikuti bala tentera ini enggan meneruskan perjalanan dan mereka berhenti di Cape Town dan menetap di sini.

Selanjutnya, pengarang menggambarkan keadaan perang yang berlaku di antara tentera Nusantara dengan tentera Sepanyol. Nyemah Mulya berjaya membuat tawaran perdamaian dengan Sepanyol dan kemudiannya bersekongkol dengan tentera Sepanyol menyerang Portugal. Dalam serangan itu, Lisbon akhirnya dapat ditawan oleh tentera Melaka pimpinan seorang wanita bernama Nyemah Mulya. Orang-orang Melayu berjaya memerintah Portugal sehingga tahun 1580.

Sejarah kehebatan orang-orang Melayu yang berjaya menawan Portugal pada tahun 1515 dan memerintah sehingga tahun 1580 dengan mencipta kegemilangan kerajaan Melayu di Eropah disebut pengarang sebagai sejarah yang telah digelapkan oleh orientalis. Jejak-jejak keagungan pemerintahan Melayu di Portugal juga dipadam. Hal ini disebut pengarang dengan penuh yakin pada halaman 211-212 seperti berikut;

Bahagian yang hilang daripada buku sejarah dan ditutup selamanya oleh orang-orang Barat ialah hakikat orang-orang Timur pernah menjajah sebuah negeri di Eropah antara tahun 1515 ke 1580. Jejak-jejak Nyemah Mulya juga dipadam.

(Faisal Tehrani, 2003:211-212)

Bagi meyakinkan bahawa sejarah penguasaan dan pemerintahan orang Melayu di Portugal seperti benar-benar berlaku, pengarang mempengaruhi psikologi pembaca dengan menyebutkan seperti berikut;

Tetapi terdapat sisa masyarakat Melayu di Lisbon, menetap di bandar tepi pantai Ericeira, menjadi bukti peninggalan kuasa Melayu pernah unggul.

(Faisal Tehrani,2003:212)

## **KESIMPULAN**

Hasil analisis yang dilakukan ke atas novel `1515` dapat menemukan tujuh sejarah baharu yang dikisahkan oleh pengarang. Sejarah baharu ini mempunyai kaitan langsung dengan sejarah peperangan Melaka dengan Portugis pada tahun 1511. Hubungan sejarah baharu dengan sejarah lama di luar teks dapat dibuktikan dengan kehadiran tokoh-tokoh sebenar dalam sejarah kesultanan Melaka abad ke-16, sejarah penjajahan Portugis dan kisah penentangan orang-orang Melayu ke atas Portugis di Melaka.

Sejarah baharu yang diikisahkan dalam novel `1515` adalah untuk mencapai visi pengarang yang ini mengubah sejarah Melaka pada abad ke-16 yang dianggap pengarang sebagai telah ditulis dengan tidak benar oleh Barat. Malah, bagi pengarang banyak kebenaran tentang kehebatan orang-orang Melayu digelapkan oleh penjajah sehingga apa yang dipelajari hari ini adalah sejarah yang tidak benar.

Jelasnya sejarah baharu yang dikisahkan dalam novel ini bukannya menceritakan semula sejarah kejatuhan Melaka di tangan Portugis, atau menceritakan semula sejarah penentangan sultan Mahmud terhadap Portugis selepas tahun 1511, tetapi sejarah yang dikisahkan ini adalah sejarah baharu yang melencong dari landasan sejarah lama di luar teks. Sejarah baharu ini juga terisi di dalamnya ideologi pengarang yang mahu memenangkan bangsa dan agamanya ke atas penjajah Barat. Dari satu sudut yang lain, sejarah baharu ini juga adalah merupakan suatu penentangan ke atas wacana Barat ke atas Melaka menerusi manipulasi sejarah.

## **RUJUKAN**

- Abdul Halim Ali. (2011). Sajak pulang Si Tenggang dalam perspektif historisisme baru. *Jurnal Pengajian Melayu*, Jilid 22, 2011. Akademi Pengajian Melayu, Universiti Malaya.
- Abdul Halim Ali. (2014). *Teori historisisme baru: sorotan idea dan aplikasi kritikan*. Tanjong Malim: Penerbit Persatuan Penulis Budiman Malaysia.
- Bambang Purwanto. (2001). Historisisme baru dan kasadaran dekonstruktif. *Jurnal Humaniora*, Volume XIII No.1/2001, Universitas Ghajah Mada, Indonesia.
- Bressler, C.E. (1999). *Literary criticism: An introduction to theory and practice, (2<sup>nd</sup> Edition)*. Prentice Hall: New Jersey.
- Faisal Tehrani. (2003). *1515*. Kuala Lumpur: Utusan Publication & Distributors Sdn. Bhd.
- Guerin, L W. et al, (1992). *A handbook of critical approaches to literature (3<sup>rd</sup> Edition)*. Oxford University Press.
- Mana Sikana, (2015). *Teori sastera kontemporari*. Bangi: Penerbit Pustaka Karya.
- Mana Sikana. (1998). *Teori dan kritikan sastera pascamodenisme*. Kuala Lumpur: Fajar Bakti
- Rice, P. & Waugh, P. (1993). *Modern literary theory (2<sup>nd</sup> Edition.)* London: Edward Arnold.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2014). *Teori dan kritikan sastera (Edisi Kedua)*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Sohaimi Abdul Aziz. (2015). Satu kaedah bacaan tekstual dalam orientasi sejarah terhadap *Atas Nama Cinta*, *Kertas kerja* dibentangkan pada Seminar Sejarah dan Persejarahan di Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- T.F. Earle & John Villiers. (1995). *Albuquerque Caesar Timur (Teks-teks pilihan daripada Afonso de Albuquerque dan anaknya)*. (terj). Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Tennas Effendi. (2006). *Merebut semula Melaka: Peranan Sultan Mahmud Syah dan Tun Fatimah*, dalam *Kisah Melaka 1511*. Melaka: Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia.
- Usman Awang. (2005). *Matinya seorang pahlawan*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Veaser A.H. (1989). *The new historicism*. Routledge: London.
- Wan Ahmad Ismail. (1992). *Pahlawan Daerah Rodat*. Kuala Terengganu: Terbitan Wahmi, Production House.